

Agenda 7 : Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat (Laporan daripada Setiausaha Antarabangsa.

Laporan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa DAP bagi tempoh 2022 sehingga 2025.

Bahagian Hal-Ehwal Antarabangsa DAP memainkan peranan yang penting di lanskap politik Malaysia mahupun di rantau ASEAN dan persada antarabangsa sebagai sebuah parti yang memartabatkan nilai-nilai demokrasi, tadbir urus yang baik, hak asasi manusia dan menjunjung kepelbagaian budaya dan bangsa di Malaysia.

Dalam tempoh 3 tahun dari 2022 ke 2025, bahagian Hal Ehwal Antarabangsa telah menjalankan pelbagai program yang melibatkan kerjasama diantara parti-parti politik di rantau yang mempunyai prinsip dan pendirian yang progresif dan berdasarkan keadilan sosial termasuklah program-program yang berkaitan dengan keterangkuman gender, mengasah bakat kepimpinan, menyokong usaha pembangunan mampan atau pembangunan lestari (sustainable development goals) dan pemerkasaan prinsip demokrasi.

Melalui pelbagai usaha kerjasama bersama SocDem Asia Pacific (SDAP) sebuah rangkaian parti-parti politik yang progresif dan memegang kepada falsafah dan prinsip demokrasi sosial (social democracy) daripada 12 negara merentas Asia Tenggara dan Pasifik, bahagian hal ehwal antarabangsa DAP telah menyokong dan mengangkat program-program seperti sesi dialog mengenai polisi dan program latihan. Melalui pelbagai program dan projek bersama Parti Labor Australia (Australian Labor Party) dan Social Democratic Party of Denmark (SDP), parti DAP terus meluaskan perhubungan dan kerjasama sesama parti-parti lain dalam berkongsi 'best practices' mengikut piawaian antarabangsa dalam proses tadbir urus, proses kempen pilihanraya yang telus dan juga dari sudut gender, memperkasakan peranan wanita dalam politik dan pembangunan mampan atau lestari (sustainable development) yang melibatkan pembangunan alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa DAP mempunyai visi, misi dan objektif untuk mengacak panji-panji semangat politik yang inklusif, keterangkuman gender, dan pembangunan mampan (sustainable development goals (SDG). Dalam tempoh 3 tahun bahagian ini telah menganjurkan dan memudahkan pelbagai sesi dan bengkel latihan yang bertujuan untuk mengukuhkan aktivisme politik dan menggalakkan kerjasama dengan pergerakan progresif di peringkat antarabangsa.

2022

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
18 - 20 Mei	Defend Democracy Working Group Strategy Development Meeting (2 wakil dari DAP)	Bangkok, Thailand
22 – 24 Ogos	Persidangan SocDem Asia Pacific - Sustainable Development Goals in the New Normal (15 wakil dari DAP)	Kota Kinabalu, Sabah

2023

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
25 - 28 Februari	Program Latihan Pengurusan Politik (Political Management Training (PMT) Alumni: Progressive Responses to the Climate Crisis	Cebu, Filipina
20 – 23 April	Women on the Frontlines of Addressing Global Challenges (3 wakil dari DAP) dan Kursus Eksekutif SocDem Asia berhubung feminisme	Ulaanbaatar, Mongolia
27 – 28 April 2 – 4 Mei	Leadership Change Network (LCN) – Australian Labor International (ALI) Leadership, Organizing and Action Training of Coaches Programme.	Diatas talian (online)
15 – 18 Mei	Election Campaign Training Workshop with Australia Labor International (52 participants from DAP	Penampang, Sabah
25 Ogos – 5 Sept	LCN + ALI : Leadership, Organizing and Action Training of Coaches Programme	Diatas talian (online)

2024

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
27 - 28 Januari	Increasing Participation of Women in Local Politics In partnership with Social Democratic Party of Denmark (SDP) - Validation Workshop	Pulau Pinang, Malaysia
23 - 26 Februari	Asia Pacific Campaign Forum - Australian Labor International (2 wakil dari DAP)	Jakarta, Indonesia
25 - 27 Februari	Increasing Participation of Women in Local Politics In partnership with SDP, Denmark - DAP Strategy Workshop (23 wakil dari DAP)	Kuala Lumpur, Malaysia
18 - 20 Mac	Progressive Campaign Insight Course - Australian Labor International	Pulau Pinang, Malaysia
21 - 23 Mac	Train the Trainer Course - Australian Labor International	Pulau Pinang, Malaysia
16 Mei	Fasilitator Workshop : Leadership and Values in Modern Democracies (Kasthuri Patto)	Manila, Filipina
12 - 21 Jun	Women in Politics Conference: Global Experiences, Means and Methods to Strengthen Women's Representation and Influence in Local Politics (4 wakil dari DAP)	Copenhagen, Denmark
29 - 30 Jun	Progressive Alliance Gender Equality Workshop (Kasthuri Patto)	Istanbul, Turkiye
30 Julai – 1 Ogos	Network for Social Democracy in Asia Pacific (SDAP) and Progressive Alliance Conference (3 wakil dari DAP)	Manila, Filipina
18 - 24 Ogos	Strengthening SocDem Asia Pacific Capacities on the SDG: Learning Exchange Visit in Copenhagen (12 wakil dari DAP)	Copenhagen, Denmark
5 - 6 Oktober	Progressive Alliance Board Meeting (Kasthuri Patto)	Santiago, Chile
15 - 17 Oktober	Follow up activities through WIP Project: Module Development Workshop (20 wakil dari DAP)	Pulau Pinang, Malaysia


2025

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
20 - 22 Januari	Election Campaign Training from a Gender Perspective (40 wakil dari DAP)	Keningau, Sabah
5 Februari	Online Sharing: Representation and influence of Women in Local Politics (5 wakil dari DAP)	
17 - 18 Februari	Strengthening capacities on the SDGs: Re-echo seminar in Sabah (29 peserta)	Kota Kinabalu, Sabah
20 - 21 Februari	Strengthening capacities on the SDGs: Re-echo seminar in Penang (20 peserta)	Penang, Malaysia
25 - 26 April	Progressive Alliance International Conference Delivering Global Justice (8 wakil dari DAP termasuk wakil REFSA)	Hyderabad, India
April - November	Political Management Training: Sustainable Urban Development (FES)	Da Nang, Vietnam Luang Prabang, Laos
Mei	Asia Pacific Campaign Forum (APCF)	
Mei	Progressive Campaign Insight - ALI	

Setiausaha Bahagian, Sdri Jannie Lasimbang telah mewakili DAP dalam semua mesyuarat Steering Committee dalam tempoh ini dan sekiranya beliau tidak dapat hadir maka Timbalan Setiausaha Sdri Kasthuriraani Patto akan mewakili DAP dan beliau. Setiausaha Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa pada awalnya adalah Sdri Joyce Tan dan kemudian Sdri Alison Wong. Bahagian h Ehwal Antarabangsa telah mengenalpasti para wakil dan peserta program antarabangsa dengan penglibatan dan input daripada CEC dan semua Pengerusi DAP Negeri.

Berikut adalah sumbangan artikel daripada Sdri Jannie Lasimbang dan Sdri Kasthuriraani Patto kedalam jurnal PRAKSIS The Journal of Asian Social Democracy

Diversity, Secularism, and Democracy
Year 2022, Issue 1



Orang Asal Lives Matter Identity Politics in Sabah and Sarawak - Jannie Lasimbang

<https://www.socdemasia.com/sites/default/files/2022-09/20220907-7-Jannie-Lasimbang-1.pdf>

Uniting the Nation Addressing Malaysia's Race-Based Politics - Kasthuri Patto

<https://www.socdemasia.com/sites/default/files/2022-09/20220907-6-Kasthuri-Patto-1.pdf>

Laporan Penilaian Gender 2023

Suatu audit gender bagi parti DAP telah dijalankan daripada bulan Disember 2023 sehingga bulan Januari 2024. Dr. Ummu Atiyah binti Ahmad Zakuan telah dilantik menjadi penyelidik dan audit dan beliau telah mempersembahkan draf pertama audit ini dalam sebuah bengkel yang telah dihadiri oleh anggota DAP Gender Working Group bersama dengan pimpinan parti.

Suatu bengkel keterangkuman gender telah diadakan yang telah membuahkan hasil dengan pembentukan Pelan Mengarusperdanakan Gender DAP. Pada bulan Jun 2024 anggota DAP Gender Working Group telah menyertai program “learning exchange” di Copenhagen, Denmark yang dianjurkan oleh Danish Social Democratic Party dimana DAP diwakili didalam Persidangan Global Experiences, Means and Methods to Strengthen Women’s Representation and Influence in Local Politics.

Manual Latihan 2024

Manual latihan ini telah direkabentuk dan dibahagikan kepada 4 topik penting yang bertujuan untuk memperkasakan keterangkuman dan kesaksamaan gender dan memberdayakan wanita dalam politik. Topik-topiknya adalah seperti berikut:-

1. Orientasi yang menyentuh isu gender sensitif
2. Pembangunan dasar responsif gender
3. Media dan komunikasi untuk calon wanita
4. Persediaan kempen pilihanraya dari sudut gender (gender perspective)

Penyelidikan Peranan Parti Politik dalam Usaha Mengukuh dan Mendalami Intipati Demokrasi 2023-2024

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana anggota SocDem Asia-Pacific seperti DAP (Malaysia), Democratic Party for a New Society/DPNS (Myanmar), Akbayan Citizens’ Action Party/CAP (Filipina) dan Move Forward Party/MFP yang kemudiannya dikenali sebagai People’s Party (Thailand) dapat menilai keadaan dan tahap demokrasi dinegara masing-masing dan apakah strategi untuk mengukuhkan demokrasi, mematahkan mana-mana unsur autokrasi dan penglibatan semua pemiliktaruh dalam perjalanan politik negara masing-masing.

Melalui penyelidikan ini, SocDem Asia-Pacific (SDAP) telah mengumpul input dan pandangan dari anggota parti serta nukilan akademik mengenai keadaan demokrasi di setiap negara serta ancaman anasir autokrasi dalam negara masing-masing. Penilaian ini menunjukkan juga peranan parti-parti politik yang berasaskan nilai demokrasi sosial dan tanggungjawab parti-parti politik untuk memastikan ruang demokrasi tidak terus terancam. Kajian ini juga memberikan gambaran diantara sistem-sistem politik di negara-negara terlibat, amalan-amalan politik yang mengikut piawaian antarabangsa (best practices according to international standards) serta cadangan bagaimana demokrasi dapat dipertahankan dan dilindungi.

AKTIVITI BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

2022 Persidangan Caucus Parlimen SocDem Asia (SocDem Asia Parliamentarians Caucus Conference, “Advancing the SDGs in Asia” dan dianjurkan bersama parti DAP.

Persidangan ini bertujuan :-

1. Memantau perjalanan pelaksanaan SDG terutama sekali di negara-negara anggota;
2. Mengambil kira cabaran dan halangan dalam pelaksanaan SDG dan
3. Mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh parti politik dan kerajaan masing-masing dalam merealisasikan pembangunan lestari SDG.



2023 Kursus Eksekutif Feminisme SocDem “Women on the Frontlines” yang telah berlangsung dari 15 Mac sehingga 15 April yang memberi fokus kepada analisa feminis, perjuangan politik serta mekanisme yang boleh digunakan oleh penasihat, pendidik dan penyokong. Kursus ini telah menitikberatkan dan memasukkan elemen feminis kedalam ruang kepimpinan dan pembangunan sosial. Persidangan ini yang berlangsung di Ulaanbaatar, Mongolia dari 20 hingga 23 April telah meliputi 4 sesi iaitu:-

1. Polisi feminis Antarabangsa
2. Pengalaman wanita didalam situasi konflik/pasca-konflik
3. Pelan tindakan alam sekitar dari perspektif feminis
4. Perspektif Feminis didalam AI dan hak digital.

Semua peserta telah menukar pendapat dan idea serta strategi inovatif dalam pendidikan feminisme dan advokasi.



2023 Bengkel Latihan Persediaan Kempen Pilihanraya yang telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa DAP bersama Australian Labor International (ALI) telah diadakan daripada 15 hingga 18 Mei di Penampang, Sabah. Bengkel ini telah memberikan banyak tunjuk ajar, serta latihan melalui sesi interaktif bagi Pengurus Pilihanraya (Campaign Manager) serta ahli team kempen bagaimana untuk menjalankan kempen pilihanraya yang mantap dan cemerlang. Bengkel latihan ini telah dihadiri 52 peserta mewakili DAP Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak.



2023 Pada bulan Disember, DAP memulakan audit gender iaitu sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas untuk meningkatkan perwakilan dan pengaruh wanita didalam parti dan negara. Proses ini termasuklah perbincangan kumpulan sasar (focus group) bersama pimpinan parti, sayap Wwanita dan DAPSY serta bersama pakar dalam bidang gender dan politik. Temuduga dan interaksi dijalankan bersama Setiausaha Kebangsaan DAP Sdr Anthony Loke dan Ketua Wanita DAP Sdri Teo Nie Ching yang telah memberikan pendapat dan pandangan mereka yang membantu membina lagi laporan audit gender. Selepas audit dijalankan, satu bengkel untuk menilai hasil perbincangan dan kajian telah dijalankan pada bulan February 2024 yang telah dihadiri 23 peserta. Oleh itu, satu pelan tindakan untuk mempertingkatkan penglibatan wanita didalam parti sekaligus mendorong usaha DAP untuk menguatkan lagi perwakilan wanita serta pengaruh mereka.



2024 Australian Labor International dan DAP telah menjalankan satu kursus yang dinamik iaitu, Train the Trainer (TTT) untuk memberdayakan aktivis politik untuk menjadi pelatih atau trainer yang mahir didalam DAP. Fokus program adalah teknik pembelajaran yang menyasarkan program latihan dan meningkat keupayaan masing-masing (capacity building) bagi persediaan kempen pilihanraya di masa hadapan. Ianya telah diadakan pada 21 hingga 23 Mac di Pulau Pinang, termasuk peserta dari Kedah, Kelantan, melaka, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Sabah dan Sarawak.



2024 Penubuhan “Gender Equality Working Group” Progressive Alliance di Istanbul, Turkiye dari 29 hingga 30 Jun yang telah dihadiri oleh 30 pemimpin wanita daripada negara-negara demokrasi sosial atau sosialis seluruh dunia. Perwakilan wanita dari pelbagai parti politik telah berkongsi perjuangan politik mereka di alam politik yang penuh dengan politik toksik, misogini serta patriarki. Diantara topik yang telah diliputi adalah gender dan demokrasi, hak kesihatan reproduktif, gender dan ekonomi, serta gender dan pembangunan termasuk dasar antarabangsa.

Hasil daripada perjumpaan ini bersama perwakilan dari pelbagai latarbelakang telah membuahkan hasil dengan dokumen “Towards Inclusive Progress : A Framework for Gender Equality” iaitu satu pelan tindakan dan strategi untuk membawa transformasi kepada lanskap kesaksamaan gender menjelang tahun 2030 dengan penglibatan bukan sahaja pemimpin wanita tetapi pemimpin lelaki juga.



2024 DAP bersama semua parti politik yang seangkatan dari negara India, Nepal, Thailand, Philippines, Mongolia, Myanmar, Indonesia, Denmark, Palestine dan Kurdistan telah menghadiri Persidangan SocDem Asia Pacific dan Progressive Alliance pada 30 dan 31 Julai dan telah berdialog untuk menggembelng tenaga dan berkongsi usaha bersama dalam era baharu dunia politik yang kian porak peranda. Persidangan diakhiri dengan suatu sidang media bersama diantara SDAP dan PA di Manila, Filipina.



2024 DAP diwakili Sdri Kasthuri Patto didalam satu delegasi bersama pimpinan Progressive Alliance ke New Delhi, India pada 9 dan 10 Ogos dalam pertemuan bersama pemimpin parti didalam Indian National Congress termasuk bersama Presiden INC Mallikarjun Kharge serta Ketua Pembangkang Lok Sabha Rahul Gandhi berhubung pelbagai isu yang menjadi ancaman kepada kebebasan, demokrasi, keadilan dan kedaulatan undang-undang termasuklah isu penting diaspora India dinegara lain seperti di Malaysia dimana ramai warganegara Malaysia dalam mengesani susur-galur sejarah mereka.



2024 DAP diwakili Sdri Kasthuri Patto ke Persidangan Global Progressive Alliance di Santiago, Chile pada 5 dan 6 Oktober dimana parti DAP telah diundi sebagai ahli lembaga jawatankuasa tertinggi PA dan telah berkongsi perjalanan politik DAP serta usaha parti DAP sebagai parti yang bukan sahaja progresif tetapi sebuah parti yang inklusif yang menyediakan ruang dan memberi peluang bagi anak muda serta wanita didalam pimpinannya.



2024 DAP telah mengadakan Module Development Workshop di Pulau Pinang untuk menilai dan mengkaji cadangan daripada Laporan Audit Gender yang telah disiapkan pada awal tahun. Bengkel ini bertujuan untuk mewujudkan satu manual latihan yang komprehensif untuk menyokong usaha keterangkuman gender didalam parti. Sesi-sesi dalam bengkel ini berfokus untuk orientasi responsif gender, pembangunan dasar dan polisi, media dan komunikasi dan persediaan kempen pilihanraya dari sudut gender.



2025 DAP telah menjalankan bengkel latihan Persediaan Kempen Pilihanraya dari Sudut Gender pada bulan Januari di Keningau, Sabah bagi beberapa pasukan DAP yang akan terlibat didalam kempen Pilihanraya Negeri Sabah yang akan berlangsung pada masa terdekat tahun ini. Seramai 41 ahli DAP dari pelbagai latarbelakang telah mengikuti program ini dan telah memberikan pandangan bahawa mereka jelas dengan persediaan kempen 6 bulan dan 3 bulan sebelum PRN dan jadual 14-hari tempoh berkempen untuk memastikan kempen PRN yang cekap, lancar dan baik.



2025 DAP telah mengadakan 2 seminar di Sabah pada 17 dan 18 Februari dan di Pulau Pinang pada 20 dan 21 February berikutan lawatan sambil belajar ke Denmark bagi program pembangunan lestari SDG.

Para peserta telah menyusun dan menganjurkan seminar ini untuk berkongsi apa yang telah dibelajari yang juga disertai pemimpin dari Majlis Perbandaran (local councils), NGOs serta kumpulan komuniti untuk berbincang dan menetapkan strategi serta “brainstorm” cara-cara untuk menyerap idea-idea ini didalam komuniti mereka.



Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada sokongan dan dorongan pimpinan parti DAP, CEC, Ketua Wanita dan Ketua DAPSY serta semua ahli parti yang telah mengambil bahagian dan menjayakan program-program dan projek-projek dibawah bahagian ini untuk kebaikan parti dan negara.